

'Siasatan skandal LCS tetap diteruskan'

PM tegaskan tak campur tangan kes mahkamah, aniaya pemimpin pembangkang

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menggunakan Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat kira-kira sejam, untuk menekankan pelbagai isu berkaitan ketirisan dalam perolehan kerajaan, selain dakwaan campur tangan dalam kes mahkamah dibangkitkan ahli Parlimen.

Antara isu ditegaskan adalah berhubung siasatan skandal Kapal Tempur Pesisir (LCS), kes pendakwaan membabitkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, selain perkembangan terkini pembinaan projek tebatan banjir yang turut menjadi isu.

Mengenai skandal LCS, Perdana Menteri menegaskan siasatan berhubung skandal itu mesti diteruskan, termasuk bertindak terhadap dalang utama yang terlibat dalam isu perolehan kapal berkenaan.

Anwar berkata, ia berikutan pendakwaan peringkat awal sebelum ini tidak mencukupi memandangkan ia membabitkan skandal berskala besar dan ketirisan.

Katanya, pendakwaan sebelum ini tidak bertindak terhadap orang-orang yang lebih utama

yang dikatakan terlibat dalam isu perolehan LCS.

"Saya sudah membawa perkara itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan agensi itu berkata akan ada pendakwaan peringkat kedua.

"Namun, itu bukan urusan saya untuk mendalami dan bertanya lebih, nanti jika saya buat begitu akan ada tuduhan (yang menyatakan) wujud pendakwaan terpilih.

"Saya tegaskan siasatan LCS ini mesti diteruskan dan tindakan sebelum ini tidak cukup membongkar dan bertindak kepada orang yang lebih utama dikatakan yang terlibat. Biar siasatan diteruskan," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhlil Shaari (PN-Pasir Mas) yang ingin mengetahui situasi terkini siasatan dan pendakwaan kes LCS.

Setuju arahan menyeluruh

Perdana Menteri menegaskan beliau setuju arahan kepada badan penguat kuasa sama ada SPRM mahu pun Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) perlu menyeluruh dan tidak tertumpu kepada mana-mana parti.

Katanya, sesiapa saja yang didapati ada kes oleh SPRM dan

dengan bukti kukuh boleh dikemukakan kepada Peguam Negara.

"Sebab itu kita kena terima pendakwaan dibuat Peguam Negara... ini termasuk kes LCS yang membabitkan beberapa pemimpin UMNO.

"Sebelum ini pun, ada Ketua UMNO Shah Alam yang didakwa tetapi ini tidak difokuskan," katanya.

Anwar juga menyentuh dakwaan campur tangan dalam kes Ahmad Zahid.

"Saya bukan ahli politik murah dengan menganiaya orang," katanya sambil menegaskan tidak campur tangan dalam kes pendakwaan Ahmad Zahid.

Katanya, perkara itu boleh dibangkitkan kepada Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara, sama ada beliau campur tangan bagi mengurangkan mahupun mengetepikan kes pendakwaan Ahmad Zahid.

"Tanya Ketua Hakim dan Peguam Negara, bila masa saya campur tangan suruh kurang atau tarik balik pertuduhan, kita jangan mudah menghukum, saya bukan kelas 'politician' yang murah," katanya menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhlil mengenai tindakan kerajaan yang di-



Anwar pada sesi soal jawab Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

lihat memfokuskan kepada pembangkang semata-mata dalam tindakan pendakwaan kes tatakelola tidak telus.

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan sempena Perhimpunan Agung BERSATU minggu lalu mendakwa pendakwaan terhadapnya sebagai pendakwaan terpilih dan pemangsaan politik.

Anwar menegaskan, beliau sebagai Perdana Menteri tidak akan sama sekali menganiaya mana-mana pihak termasuk pemimpin pembangkang.

"Soal nak kecam politik, boleh kecam tapi ingat saya sebagai Perdana Menteri tidak mengguna kedudukan untuk menganiaya, kalau bukti ada, macam mana saya nak aniaya, ini termasuk

kes Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Anwar berkata, adalah perkara biasa untuk mengkritik dalam politik, tetapi sebagai Perdana Menteri, dia tidak akan mengkhianati amanah yang diberikan kepadanya.

"Malah, arahan kepada mereka (SPRM), saya kata apa, tunggu Peguam Negara (putusan pendakwaan). Saya kata apapun tindakan berdasarkan fakta dan bukti kuat, saya sokong.

"Tapi jangan aniaya, jangan ada satu alasan yang longgar yang boleh dicabar dan dipertikai," katanya.

Perdana Menteri turut bertanya sama ada mereka yang membuat tuduhan itu mempunyai bukti dakwaan mereka atau tidak.

"Jangan gunakan al-Quran untuk hukum saya (sebagai) zalim dan campur tangan. Saya nak beritahu pimpinan di sana (pembangkang). Saudara kena ingat sebagai orang Muslim bertanggungjawab, adakah saudara yakin, ada bukti bahawa Anwar campur tangan untuk mendakwa sesiapa?"

"Kalau tidak, zalim jawabnya. Guna agama dan fitnah orang. Sebut nama saya," katanya.

PM arah STR fasa 2 diagih sebelum sambutan Aidilfitri

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa 2 diagihkan awal bulan depan sebelum sambutan Aidilfitri.

Perdana Menteri sudah meminta Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan menyegerakan perkara itu bagi memastikan golongan sasaran menerima bantuan berkenaan.

"Saya sudah beritahu Kementerian Kewangan dan agensi terbabit supaya ringankan penerima dan bantuan STR fasa 2 harus diselesaikan pertengahan Ramadan atau awal April sebelum raya.

"Kita akan keluarkan fasa dua ini untuk golongan B40 mendapat STR," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.